

DATE	26 / 6 / 2012	SECTION	National
PAGE	9	COLUMN	Semas 9



REPLIKA CEK Shafie (dua kanan) menyampaikan replika cek kepada Pengarah Tabung Haji Sabah, Nurlailah Said sebagai bantuan kepada 10,000 pelajar untuk membuka akaun Tabung Haji.

Peserta terpilih kerjakan haji tunaikan tuntutan sebaik-baiknya: Shafie Apdal

SEMPORNA: Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal meminta peserta-kursus haji yang terpilih mengerjakan haji tahun ini menunaikan salah satu rukun Islam itu demi menyahut seruan agama.

Menurutnya, peserta perlu mengambil peluang mengerjakan haji dengan sebaik-baiknya dalam memenuhi tuntutan Rukun Islam kelima itu.

Katanya, walau terdapat pihak yang cuba mempolitikkan isu agar menangguhkan ibadah haji kepada yang layak mengundi bagi memberi laluan kepada pilihan raya umum akan datang jika ia diadakan pada musim haji.

"Isu politik dan undi perlu diketepikan dengan melaksanakan perkara yang penting terlebih dahulu

tanpa menangguhkan tuntutan agama semata-mata mementingkan kuasa politik yang sememangnya tiada penghujung,"katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan penangguhan Kursus Asas Haji musim 1433/2012 M di Dewan Masyarakat Semporna di sini.

Dalam pada itu, beliau kesal dengan tohmahan pihak yang menyatakan kerajaan tidak melaksanakan tanggungjawab kepimpinan dengan baik.

Menurutnya, kerajaan juga sudah sedaya upaya menjalankan tanggungjawab dengan memberi penekanan dalam semua aspek bagi memenuhi tanggungjawab kepimpinan.

"Saya kesal dengan tohmahan pihak-pihak yang tidak bertanggung-

jawab ini yang cakap kita tidak melaksanakan tanggungjawab kepimpinan negara dengan baik,"katanya.

Menurutnya, kerajaan sentiasa memberi penekanan khasnya dalam aspek keagamaan sehingga menjadikan negara ini sebagai negara Islam seperti yang termaktub dalam perlembagaan.

"Kita tidak pernah katakan undilah kita (UMNO) bahawa siapa yang undi kita akan masuk syurga, kita tidak pernah menggunakan tempat-tempat ibadah, masjid sebagai lokasi berceramah,"katanya.

Pada majlis itu bantuan peribadi kepada 10,000 pelajar sekitar kawasan Semporna bagi membuka akaun Tabung Haji berjumlah RM15,000 turut diberikan. -Oleh NAZRINI BADARUN